

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji
Habibollah [LIMBANG]**

TARIKH : 08.04.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 11

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian akan membina mini hidro untuk Rumah Lawai, Selidong di pedalaman Parlimen Limbang sebagaimana yang telah dijanjikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian mendapat maklumat daripada Sarawak Energy Berhad bahawa penyambungan bekalan elektrik ke Rumah Lawai, Selidong di Pedalaman Limbang boleh dibuat menggunakan talian grid. Bagaimanapun, projek berkenaan tidak dapat dilaksanakan pada masa kini kerana ketiadaan jalan masuk yang sempurna ke rumah panjang berkenaan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, semua pemasangan talian elektrik melalui jalan yang sesuai bagi memastikan kerja-kerja penyenggaraan talian dapat dibuat dengan sempurna.

Sehubungan itu, Kementerian akan menyambung bekalan elektrik ke Rumah Lawai, Selidong apabila jalan masuk ke rumah panjang berkenaan sempurna.